

Sekolah-makmal sebagai pusat penyelidikan pendidikan guru

UB 01-02-2012 B13



MINDA PENDIDIK

Roslee Talip

bersama Baharom Mohamad, Shukri Zain, Abdul Said Ambotang, Muhamad Suhaimi Taat dan Mohd Yusof Abdullah

DALAM menuju era negara maju seperti yang diaspirasikan dalam Wawasan 2020, para pendidik bertanggungjawab menjadikan bidang penyelidikan sebagai salah satu asas dalam pendidikan negara. Para pendidik seharusnya menjadikan profesion keguruan berubah daripada a restricted professional kepada an extended professional. Dengan kata lain, para pendidik dewasa ini dan pada masa depan terus berkembang menyumbangkan khidmat mereka dengan lebih efektif dalam konteks yang lebih luas sesuai dengan perubahan masa, tempat dan keadaan.

Perubahan dalam bidang pendidikan berlaku dengan begitu pantas di era milenium teknologi maklumat (IT) yang memerlukan penyelidikan dijalankan secara berterusan supaya setiap program sekolah yang hendak dilaksanakan melalui suatu ujikaji terlebih dahulu di peringkat mikro sebelum dilaksanakan di peringkat makro. Dengan yang demikian, sudah sampai waktunya negara kita menubuhkan sekolah-sekolah yang bertindak sebagai sekolah-makmal untuk merealisasikan hasrat negara memperbanyakkan lagi pembangunan penyelidikan di semua peringkat bagi meningkatkan lagi kejituan sesuatu perancangan pendidikan jangka panjang yang holistik.

Isu kewujudan sekolah-makmal (Laboratory school; Campus school) sebagai pusat penyelidikan pendidikan perlu diketengahkan

khususnya dalam konteks memperkasakan pendidikan di negeri Sabah. Pendedahan guru pelatih kepada latihan mengajar adalah terbatas kepada satu waktu yang singkat dan tidak dapat menjanjikan satu hasil yang memuaskan apabila mereka berada dalam kerjaya keguruan kelak. Kajian-kajian lepas banyak menunjukkan bahawa elemen keberkesanan pengajaran guru di sekolah banyak menyumbang kepada penghasilan sekolah berkesan dan kegagalan guru pula memberikan pelbagai impak dalam jangka panjang kepada sekolah dan sistem pendidikan itu sendiri. Oleh yang demikian, satu alternatif pembangunan pengajaran perlu disuntik ke arah memperkasakan lagi kecekapan guru dalam pengajaran dan pembangunan pendidikan di sekolah. Dalam konteks ini, para pendidik perlu memberikan tumpuan kepada konsep dan fungsi sekolah makmal agar mereka lebih memahami peranan dan kekuatan sekolah-makmal sebagai pusat penyelidikan pendidikan dalam mempertingkatkan kualiti profesion keguruan.

Sekolah-makmal adalah satu konsep sekolah yang telah lama wujud di Amerika Syarikat. Ia telah dijadikan tempat bagi bakal guru menjalani latihan keguruan dan menjalankan penyelidikan pendidikan terutama yang berkaitan dengan teknik pengajaran dan pembelajaran, pegurusan kelas dan psikologi kanak-kanak. Sekolah berkenaan berada terus di bawah pentadbiran institusi keguruan dan juga institusi pengajian tinggi yang menawarkan program pendidikan.

Secara umumnya terdapat pelbagai model sekolah-makmal yang dibezakan mengikut tujuan dan fungsinya tetapi secara ringkasnya model-model berkenaan boleh

dikategorikan kepada tiga model utama. Pertama, sekolah-makmal sebagai pusat latihan pendidikan guru. Model ini adalah model yang paling meluas digunakan di beberapa buah negara yang maju dalam bidang pendidikan. Guru pelatih akan dibimbing secara klinikal di bawah penyeliaan seorang guru pakar atau master teacher yang juga akan berpeluang melihat tugas-tugas guru secara lebih dekat lagi serta menyediakan peluang untuk menyediakan peluang untuk meninjau

“Perubahan dalam bidang pendidikan berlaku dengan begitu pantas di era milenium teknologi maklumat (IT) yang memerlukan penyelidikan dijalankan secara berterusan supaya setiap program sekolah yang hendak dilaksanakan melalui suatu ujikaji terlebih dahulu di peringkat mikro sebelum dilaksanakan di peringkat makro. Dengan yang demikian, sudah sampai waktunya negara kita menubuhkan sekolah-sekolah yang bertindak sebagai sekolah-makmal untuk merealisasikan hasrat negara memperbanyakkan lagi pembangunan penyelidikan di semua peringkat bagi meningkatkan lagi kejituan sesuatu perancangan pendidikan jangka panjang yang holistik.”

kerjaya keguruan di dalam situasi sebenar di bilik darjah.

Kedua, sekolah-makmal sebagai sekolah model. Dalam konteks ini, sekolah-makmal berperanan sebagai sekolah model yang ideal dan lengkap dengan semua keperluan dan perkembangan pendidikan dari masa ke semasa meliputi semua bidang berdasarkan keperluan masyarakat.

Ketiga, sekolah-makmal sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan pendidikan. Sekolah-sekolah makmal dalam hal ini berperanan sebagai tempat bagi menjalankan

penyelidikan dari pelbagai aspek seperti pedagogi, psikologi, pentadbiran, teknologi pengajaran dan juga menjadi tempat pengujian sesuatu kurikulum baru sebelum digunapakai di sekolah-sekolah yang lain. Prasyarat model ini adalah sebelum sesuatu idea atau dapatan baru untuk itu hendak disebarkan ke sekolah-sekolah lain, ia perlu diujikaji terlebih dahulu di sekolah-makmal berkenaan. Sekolah-makmal jenis ini akan bertindak sebagai tempat pertama bagi menjalankan

penyelidikan dan mengesahkan sesuatu teori berkaitan dengan dunia pendidikan.

Ketiga-tiga model ini boleh dibina dan dibangunkan di semua peringkat persekolahan iaitu daripada pusat penjagaan kanak-kanak (nursery), tadika, sekolah-sekolah rendah, menengah rendah, hinggalah ke peringkat menengah atas. Selain dari mengikut peringkat persekolahan, model sekolah-makmal juga boleh direkabentuk di sekolah-sekolah pendidikan khas untuk membantu pembangunan pendidikan kanak-kanak istimewa.

Dalam konteks hubungan sekolah-makmal dengan pemantapan profesional guru, pembangunan dan perkembangan sekolah-makmal akan membawa kepada transformasi dalam struktur organisasi dan pengawalan, pembinaan semula kerjaya guru, mengenal pasti sumber-sumber pendidikan terkini, membaiki proses pengajaran dan pembelajaran serta menambahkan perhubungan antara institusi sekolah dengan golongan stakeholder yang berkaitan. Ini bermakna sekolah-makmal mampu berfungsi sebagai pusat pelbagai fungsi untuk memperkasakan institusi sekolah ke arah mencapai wawasan pendidikan perdana masa kini dan masa depan.

Justeru itu, suatu perancangan yang sistematik diperlukan untuk membangunkan sekolah-makmal yang berfungsi sebagai pusat penyelidikan pendidikan sekaligus sebagai pusat pembangunan profesional guru. Sekolah ini seharusnya menghasilkan bukan sahaja murid yang berkualiti tetapi juga guru-guru yang cekap dan berkualiti tinggi. Kemasukan teknologi terkini seperti pembelajaran secara online, pembelajaran secara kolaboratif dan sebagainya akan menandakan perubahan yang besar kepada kaedah pengajaran-pembelajaran di sekolah. Inilah waktunya sekolah-makmal boleh dijadikan tempat percubaan bagi menentukan keberkesanan pelaksanaan pelbagai pendekatan baru dalam pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi terkini.

*** Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah**